


**P**EMBACA Malaysia hari ini semakin mesra dengan pembelian buku dalam talian meskipun kaedah ini sudah lama diguna pakai di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain ketika dunia mengenali internet ekoran rempuhan teknologi maklumat pada awal 1990-an.

Pendedahan teknologi yang semakin meluas di kalangan pembaca memungkinkkan beberapa individu di negara ini memilih perniagaan jualan buku dalam talian sebagai kerjaya memandangkan mereka boleh menjana pendapatan tanpa perlu meninggalkan keluarga di rumah.

Meskipun pada peringkat awal perniagaan ini agak sukar mendapatkan keyakinan pembaca kerana kebimbangan kemungkinan mereka akan ditipu memandangkan bayaran perlu dijelaskan terlebih dulu sebelum buku diterima, tetapi kini masalah lain pula timbul.



**Arief Hakim Sani Rahmat**

Jualan kini menjadi alternatif dalam pasaran Malaysia dan kebanyakan penerbit memilih kaedah terbabit bagi memudahkan pelanggan membeli judul yang sukar diperoleh dalam pasaran.


"Sesetengah judul buku susah ditemui dalam pasaran kerana tidak mendapat tambahan pesanan daripada kedai dan wakil pengedar. Jualan dalam talian adalah antara kaedah jualan terus kepada pelanggan, memudahkan pembaca dan

# Jualan buku dalam talian

Penerbit tawar potongan tinggi gugat pengusaha  
*Berita Harian* bilik 11/08/2010 M/S 26

Faiz mengakui jualan buku dalam talian sedang meningkat di negara ini, tetapi pulangnya masih kecil jika dinilai secara peratusan jumlah keseluruhan jualan kerana beberapa faktor seperti pelanggan kurang yakin dengan kaedah jualan seperti itu.

"Adakalanya kaedah pos adalah lambat dan kemungkinan buku hilang juga tinggi. Faktor lain mungkin disebabkan oleh sistem perbankan di Malaysia. Kad debit belum digunakan secara meluas, selain jumlah pemegang kad kredit pula terlalu kecil," jelasnya.



Tempahan membeli buku secara dalam talian antara yang menjadi pilihan utama bagi mereka yang mahu menjimatkan masa mereka membantu pengusaha jualan buku dalam talian, tetapi 'keselesaian' ini mula direnggut dengan saingan daripada penerbit.

Lewat tulisan Nazmi Yaa-kub, *Beli buku dalam talian, Sastera, Berita Harian* terbitan 12 Julai lalu, pengendali kedai buku dalam talian, Nisah Haron, membangkitkan isu wujudnya saingan tidak sihat apabila penerbit buku menjual buku mereka secara dalam talian dengan potongan harga tinggi.

Pengurus Pemasaran Kar-naDya Solutions Sdn Bhd, Faiz Al-Shahab, berkata menjual buku secara dalam ta-

liahkan pembeli dan ringkas kepada penerbit," katanya kepada *Sastera* ketika ditemu ramah mengenai perkara terbabit.

Beliau menyifatkan pembelian buku dalam talian sebagai perkara lama kerana kedai buku *Amazon.com* sudah melaksanakannya beberapa tahun lampau dan mengakui format penjualan di Malaysia turut melalui perubahan ekoran evolusi dalam pasaran buku dunia.

"Setakat ini, jualan dalam talian di Malaysia tidak kencang sehingga boleh memudaratkan jualan di kedai. Apa yang lebih penting di sini ialah kedai dan pembekal buku perlu juga berubah dari segi cara jualan mahupun strategi perniagaan bagi mengubahsuai-kan diri dengan evolusi terbabit," katanya.

Pengarah Urusan, PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, Arief Hakim Sani Rahmat, pula berkata kaedah jualan buku dalam talian adalah trend perkembangan mendadak capaian internet di Malaysia dan bermakna semakin ramai pengguna semakin tinggi permintaan dan bertambah canggih.

"Salah satu perkhidmatan yang diminta pembaca dan pembeli buku terbitan PTS ialah membeli pelbagai jenis buku secara dalam talian. Jadi kami berusaha sedaya upaya untuk melayan permintaan pelanggan.

"Perangkaan syarikat menunjukkan jualan dalam talian buku terbitan PTS tidak mencapai satu peratus berbanding melalui kedai buku. Dalam erti kata lain, 99

“ Sesetengah judul buku susah ditemui dalam pasaran kerana tidak mendapat tambahan pesanan daripada kedai dan wakil pengedar. Jualan dalam talian adalah antara kaedah jualan terus kepada pelanggan, mudahkan pembaca dan ringkas kepada penerbit”

**Faiz Al-Shahab**  
Pengurus Pemasaran  
KarnaDya Solutions Sdn Bhd

“ Kebanyakan generasi lama lebih gemar membeli buku di kedai kerana ia lebih cepat dan selamat, malahan pembelian buku di kedai sebenarnya lebih murah berbanding pembelian secara dalam talian kerana tidak membabitkan kos tersembunyi”

**Sharah Ibrahim**  
Pengurus Besar, Buku Prima  
Sdn Bhd